

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- (a) apakah jaminan Kementerian bahawa **tidak akan berlakunya peningkatan tarif elektrik** apabila Kementerian membuat keputusan untuk **mengenakan tarif elektrik berbeza mengikut waktu bermula suku tahun pertama 2021**; dan
- (b) adakah terdapat tempoh tertentu yang akan ditetapkan oleh Kementerian bagi **memberi penerangan serta penjelasan kepada pengguna tentang perubahan caj tarif elektrik** ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim tarif berdasarkan masa penggunaan atau *Enhanced Time of Used* (EToU), dengan izin, telah diperkenalkan kepada pengguna komersial dan industri Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak 1 Januari 2016. Skim EToU ini tidak bersifat mandatori dan ia ditawarkan sebagai pilihan kepada pengguna. Oleh itu, pengguna bebas untuk memilih sama

ada ingin mengekalkan skim tarif asal ataupun menukar kepada skim baharu EToU ini.

2. Melalui skim EToU ini, pengguna boleh mengawal penggunaan elektrik mereka. Skim ini menggalakkan pengguna untuk menggunakan elektrik dengan lebih efisien di mana pengguna boleh mengurangkan penggunaan elektrik pada waktu puncak di mana kadar tarifnya adalah lebih tinggi berbanding penggunaan elektrik ketika waktu luar puncak yang mana kadar tarifnya adalah lebih rendah untuk aktiviti yang sama. Oleh itu, sekiranya pengguna beroperasi pada luar waktu puncak, mereka akan dapat menikmati kadar tarif yang lebih rendah sekali gus mengurangkan bil elektrik mereka.

3. Buat masa ini pihak Suruhanjaya Tenaga masih lagi dalam proses mengkaji kadar yang sesuai serta tempoh zon masa waktu puncak, pertengahan puncak dan luar puncak untuk diperkenalkan kepada pengguna domestik atau kediaman menjelang suku pertama tahun 2021. Walau bagaimanapun, skim EToU kepada pengguna kediaman hanya terhad kepada pengguna yang sudah bertukar kepada sistem meter pintar sahaja yang mampu untuk merekodkan bacaan pada zon masa berbeza iaitu waktu puncak, pertengahan puncak dan luar puncak.

4. Oleh itu, pihak Kerajaan dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga dan TNB akan mengadakan sesi penerangan dan konsultasi dari semasa ke semasa bagi memaklumkan perkara ini dengan jelas kepada pengguna domestik yang terlibat dan berminat untuk menukar kepada skim EToU, sebelum skim ini dilancarkan secara rasmi bermula suku pertama tahun 2021.

Sekian, terima kasih.